*Soalan **1** hingga Soalan **3** berdasarkan petikan di bawah ini.*

Kajian terkini melaporkan pembacaan rakyat Malaysia meningkat sebanyak lapan hingga 12 buku setahun, mungkin sesuatu yang harus dibanggakan. Angka itu menunjukkan peningkatan kerana kajian 2005 mendapati hanya purata dua buah buku sahaja dibaca oleh seorang rakyat negara ini dalam setahun. Ya, dari satu sudut kajian itu menunjukkan bahawa budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia sudah semakin positif. Akan tetapi, apakah genre buku pilihan mereka? Pemilihan buku juga faktor penting dalam menyumbang kepada pelbagai perkara yang sihat. Kajian sebelum ini menunjukkan sebilangan besar daripada pembaca Malaysia lebih cenderung membaca buku atau majalah bercorak 'ringan'. Apakah dengan berdampingan dengan novel, majalah fesyen dan hiburan, dikira sudah cukup untuk merangkumkannya dalam golongan pembaca? Oleh sebab itu, terdengarlah ungkapan: "Sekurang-kurangnya, aku baca ok". Bolehkah seseorang itu sekadar bergantung dengan membaca bahan ringan untuk menjadi bangsa berjaya, bak cogan kata "Bangsa Membaca Bangsa Berjaya"?.

Mengulas mengenai situasi ini, bekas Ketua Jabatan Geologi, Fakulti Sains, Universiti Malaya, Prof Madya Datuk Mohamad Ali Hasan berkata tidak menjadi kesalahan bagi mereka yang membaca bahan berunsur ringan tetapi janganlah seratus peratus berpaut kepada genre sedemikian. Kita bersyukur kerana ada peningkatan pembacaan buku walaupun mereka hanya membaca buku ringan dan masih kurang membaca buku serius. Seharusnya mereka perlu mem mnpelbagaikan bahan bacaan, ilmiah dan ringan. Hal ini demikian kerana kita hendak melahirkan generasi pemikir, pemikir besar akan datang dan ini sangat penting. Masalah utama sesetengah masyarakat hari ini ialah mereka lebih gemar memilih bahan bacaan yang bersangkut-paut dengan pekerjaan mereka dan bergenre ringan. Bagi mereka, membaca luar daripada skop sedemikian adalah 'merugikan', 'buang masa' dan tidak berfaedah ke arah pembentukan diri. Stigma sedemikian akhirnya menyekat horizon pengetahuan mereka yang sepatutnya diisi dengan kepelbagaian ilmu. Skop pengetahuan mereka agak terhad, dunia pemikirannya dengan dunia penaklukan pemikirannya tidak luas. Kita hendakkan warganegara yang mempunyai pemikiran global, jadi kita mesti banyak baca. Bagaimana untuk menguasainya kalau kita baca tidak meluas dan hanya baca bahan ringan sahaja?

Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid ketika di sekolah menengah membaca semua bahan di perpustakaan dan pengetahuannya membolehkannya menafsir dan berdiskusi. Menganggap situasi begini ekoran daripada sistem pendidikan yang berorientasikan 'peperiksaan' berbanding 'pendidikan sepanjang hayat' menyebabkan budaya membaca belum sampai ke tahap menginsafkan, memahami dan menghayati. Wujudnya situasi ini disebabkan masih ramai menganggap budaya pembacaan sebagai satu bebanan dan tidak menyeronokkan. Perkara ini menyebabkan mereka hanya membaca bahan ringan dan buku ilmiah pun sekadar untuk lulus peperiksaan dan peningkatan kerjaya. Disebabkan itulah, kita belum lagi sampai tahap membaca merupakan sesuatu yang menyeronokkan dan rasa kesal sekiranya tidak membaca.

Tanggapan minat pembacaan buku tidak boleh dipaksa, harus disangkal kerana sudah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk mencorakkan budaya membaca dalam kalangan anak-anak. Apatah lagi, anak diibaratkan seperti kain putih dan layang-layang yang harus dikemudi dengan baik dalam memupuk minat membaca generasi kecil itu sejak kecil lagi. Kita tidak seharusnya memupuk minat membaca anak-anak dengan menjurus kepada perkara yang mereka minati. Ibu bapa harus menentukan dan memupuk minat anak-anak untuk membaca pelbagai jenis bahan bacaan ilmiah dan ringan. Kita tidak semestinya menyuruh mereka baca buku ilmiah berat, tetapi memadailah jika mereka membaca bahan bacaan yang sesuai dengan umur mereka. Apabila mereka sudah biasa membaca buku ilmiah sejak kecil, budaya itu akan terus terbawa-bawa sehingga mereka dewasa. Kita mengakui tidak ramai yang sanggup membelanjakan wang pendapatan mereka membeli buku-buku bermutu. Kita masih tidak nampak budaya orang kita yakni rak-rak mereka dipenuhi dengan buku bermutu.

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

Budaya membaca majalah bulanan profesional berbentuk ilmiah untuk mengemas kini ilmu mereka pun belum nampak lagi, berbanding Barat.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Semakin Ramai Rakyat Malaysia Suka Membaca,
Utusan Malaysia, 22 Julai 2011)

1 Antara yang berikut, yang manakah kesan yang akan berlaku jika rakyat Malaysia tidak berminat membaca buku-buku ilmiah?

A Horizon pengetahuan masyarakat kita akan diisi dengan kepelbagaian ilmu pengetahuan.
B Kita sukar melahirkan masyarakat yang mempunyai pemikiran global kerana dunia penaklukan pemikiran masyarakat kita akan terhad.
C Masyarakat kita hanya tahu menginsafi, memahami, dan menghayati tetapi gagal menafsir dan berdiskusi.
D Masyarakat kita mampu menjadi generasi pemikir besar pada masa hadapan.

2 Kekangan utama kita dalam usaha memupuk minat membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia ialah

A Sistem pendidikan yang terlalu berorentasikan peperiksaan
B Sistem pendidikan yang berkonsepkan pendidikan sepanjang hayat
C Budaya membaca bahan bacaan ringan semakin berleluasa
D Ibu bapa tidak mahu membelanjakan wang untuk membeli bahan bacaan bermutu.

3 Antara yang berikut, yang manakah penyataan yang benar berkaitan dengan petikan di atas?

I. Pembacaan rakyat Malaysia meningkat sebanyak 8 hingga 12 buah buku setahun
II. Masyarakat kita gemar membaca bahan bacaan yang bersangkut-paut dengan dengan pekerjaan mereka semata-mata untuk kenaikan pangkat dan lulus dalam peperiksaan.
III. Segelintir masyarakat kita masih menganggap budaya membaca sebagai satu bebanan dan tidak menyeronokkaan.
IV. Budaya membaca majalah bulanan profesional berbentuk ilmiah semakin membanggakan dalam kalangan rakyat Malaysia.

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

*Soalan **4** hingga Soalan **6** berdasarkan petikan di bawah ini.*

Pengakuan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran bahawa nisbah songsang antara pelajar perempuan dan lelaki di institut pengajian tinggi awam (IPTA) perlu ditangani, diharapkan bukan usaha menyekat kemasukan pelajar perempuan yang layak untuk memberi laluan kepada pelajar lelaki yang lebih lemah. Usaha menangani nisbah 65 peratus pelajar perempuan dan hanya 35 peratus pelajar lelaki sekarang kepada kedudukan lebih berimbang seharusnya dilakukan dengan meningkatkan keupayaan pelajar lelaki. Antaranya ialah dengan mengatasi masalah keciciran pelajar lelaki yang lebih ketara berbanding pelajar perempuan bermula daripada kemasukan ke sekolah menengah, kemudian memasuki Tingkatan Empat. Usaha mencari jalan kenapa berlakunya keadaan demikian seharusnya ditekankan bukannya dengan menyekat kemasukan pelajar perempuan ke universiti. Diakui nisbah songsang itu sejak beberapa tahun kebelakangan ini tidak harus dipertahankan kiranya negara dan rakyat dikehendaki maju dalam suasana baik tanpa menimbulkan masalah sosial pula.

Nisbah tidak seimbang antara lelaki dan perempuan ini bermula pada 1990 lagi apabila jumlah kemasukan pelajar perempuan sudah sama rata dengan jumlah pelajar lelaki. Sejak itu kemasukan pelajar perempuan berterusan meningkat hingga pada 2005 jumlah nisbahnya sudah mencecah 63:37. Sememangnya pada zahirnya tidak salah ada lebih ramai graduan wanita. Kita harus mengucap syabas kepada kaum Hawa kerana berjaya dalam pelajaran hingga mendominasi kemasukan ke universiti. Mereka sememangnya mempunyai hak untuk mendapatkan pelajaran setinggi mungkin. Kita juga harus salahkan kaum lelaki yang diketahui bukan saja tidak fokus terhadap pelajaran kerana banyak sangat perkara yang mengalihkan fokus mereka hingga mengabaikan pelajaran dalam kelas. Dan tentunya mereka ini tidak bersedia menghadapi peperiksaan berbanding pelajar perempuan. Yang menjadi persoalan ialah implikasi fenomena lebihan graduan wanita daripada lelaki setiap tahun kebelakangan ini terhadap kedudukan sosial kiranya berpanjangan bertahun-tahun. Kita tidak berhajat untuk mempersoalkan kegigihan pelajar perempuan yang sememangnya diketahui amat tekun dan fokus dalam pelajaran hingga membawa kepada kedudukan songsang ini.

Apakah tidak mungkin akan berlaku keadaan yang mana semakin ramai gadis memasuki alam perkahwinan lebih lambat. Itu pun kiranya graduan perempuan itu boleh mendapat pasangan. Jika pasangannya setaraf mungkin tidak timbul banyak kerenah, tetapi dalam keadaan isteri memegang jawatan lebih tinggi daripada suami apa pula implikasinya. Apa implikasi jangka panjang kiranya wujud keadaan demikian yang mana ramai isteri yang menjadi 'main bread winner' membawa balik pendapatan lebih daripada suami. Maknanya keluarga akan lebih bergantung kepada pendapatan isteri. Apakah ada implikasinya terhadap perkembangan kekeluargaan apabila isteri mempunyai tanggungjawab lebih di tempat kerjanya hingga boleh menjejaskan tanggung jawabnya kepada keluarga? Tuhan menjadikan manusia lelaki dan perempuan dengan naluri semula jadi yang tidak mungkin boleh diketepikan atau diabaikan, maka naluri kewanitaan bagi seseorang perempuan tidak akan hilang walau setinggi mana pun berjaya dalam kerjaya. Seorang ibu tetap memberi tumpuan kepada keluarganya dan kehendak anak. Umum mengetahui apabila seseorang anak jatuh sakit yang dihubungi ialah ibunya bukan bapa.

Demikian juga dengan kehendak sekolah dan kerja rumah. Yang sering bertanya khabar mengenai kerja sekolah atau membimbing anak mengenai kerja rumah bagi sekolah mereka ialah ibu. Dalam suasana yang mana ibu mempunyai tanggungjawab lebih di tempat kerja berbanding ayah, ibu tentunya akan menghadapi tekanan lebih. Demikian juga dengan persediaan makanan harian untuk keluarga. Isteri mungkin mempunyai tanggungjawab mendesak di tempat kerja kerana memegang jawatan kanan berbanding suami yang mungkin hanya seorang pekerja biasa. Oleh sebab itu isteri sudah terpaksa menjadi 'superwoman' untuk memikul kehendak kerjayanya dan keluarganya serta suami. Sememangnya suami seharusnya boleh memberi bantuan lebih atau mengambil alih tanggungjawab keluarga, tetapi ini adalah suatu yang tidak

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

akan dapat ditanggung suami sebaik mana yang boleh diharapkan daripada isteri. Maknanya institusi kekeluargaan akan menghadapi suatu tekanan yang mungkin tidak dapat ditangani dengan baik. Jadi apa penyelesaiannya?

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada
Kesan Sosial Pelajar Perempuan Atasi Pelajar Lelaki,
Berita Harian, 28 Julai 2011)

4 Mengapakah jumlah pelajar lelaki yang melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi terus berkurangan tahun demi tahun.

A Pelajar perempuan semakin bijak dan pintar.
B Kadar kelahiran anak perempuan lebih tinggi daripada kadar kelahiran anak lelaki.
C Pelajar lelaki malas, tidak minat belajar dan lebih separuh daripada mereka terlibat dalam penyalahgunaan dadah.
D Pelajar lelaki lebih suka bekerja selepas menamatkan persekolahan di Tingkatan Lima.

5 Apakah strategi terbaik yang boleh dilakukan untuk mengimbangi nisbah pelajar perempuan dan pelajar lelaki di universiti.

A Kita hendaklah meningkatkan keupayaan pelajar lelaki untuk bersaing di peringkat persekolahan yang lebih tinggi.
B Pihak universiti hendaklah mengurangkan kemasukan pelajar perempuan memandangkan orang perempuan tidak boleh lari daripada tanggungjawab mereka sebagai ibu dan suri rumah setelah mereka bekerja.
C Pihak kerajaan hendaklah memperbanyakkan kursus-kursus dalam bidang teknikal dan kejuruteraan kerana pelajar lelaki lebih berminat untuk mengikuti kursus-kursus sebegini.
D Pihak sekolah tidak boleh bertolenransi dengan masalah keciciran dalam kalangan pelajar lelaki kerana mereka akan terlibat dalam permasalahan sosial yang menghalang mereka daripada meneruskan pelajaran sehingga ke universiti.

6 Antara yang berikut, penyataan manakah benar berkaitan dengan petikan di atas?

I. Ketidakseimbangan pelajar lelaki dan wanita di universiti telah bermula sejak tahun 1980 lagi.
II. Implikasi jangka panjang ekoran ketidakseimbangan pelajar lelaki dan wanita ialah sesebuah keluarga akan lebih bergantung kepada pendapatan isteri.
III. Wanita yang bekerja akan menghadapi lebih tekanan disebabkan terpaksa bertanggungjawab terhadap pekerjaan, menjadi isteri dan ibu kepada anak-anak.
IV. Golongan lelaki akan menjadi suri rumah yang akan mengambil alih peranan isteri pada masa ini.

A I dan II
B II dan III
C II dan IV
D III dan IV

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

*Soalan **7** hingga Soalan **10** berdasarkan carta alir di bawah ini.*



SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

7 Perkembangan perindustrian akan menyebabkan perkara berikut kecuali

A Tanah untuk menjalankan kegiatan petanian semakin terhad.

B Penghijrahan belia luar bandar ke bandar akan berlaku.

C Kawasan setinggan akan semakin bertambah di bandar.

D Permintaan tehadap tanah akan menyebabkan harga tanah melambung tinggi.

8 Yang manakah **bukan** program membasmi kemiskinan yang dijalankan oleh kerajaan.

A Pemberian subsidi harga kepada hasil pertanian.
B Penggunaan jentera moden dalam sektor pertanian
C Pembinaan lebih banyak kilang perindustrian di luar bandar.
D Ketersampaian kemudahan pendidikan dan kesihatan dipertingkatkan.

9 Antara penyataan berikut, yang manakah benar?

I. Kadar kemiskinan penduduk desa dikurangkan melalui subsidi dan penstabilan harga.
II. Peningkatan produktiviti pertanian merupakan salah satu cara untuk membasmi kemiskinan penduduk desa.
III. Terdapat lima program yang digunakan oleh kerajaan untuk membasmi kemiskinan penduduk desa.
IV. Peningkatan kadar upah tenaga kerja pertanian menyebabkan harga tanah meningkat.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

10 Tajuk yang sesuai bagi carta alir di atas ialah

A Cara mengurangkan kemiskinan di kawasan desa
B Perkembangan pertanian moden di kawasan desa
C Peranan kerajaan dalam membasmi kemiskinan penduduk desa.
D Sektor perindustrian penjana pendapatan penduduk desa

11 Bahasa-bahasa yang serumpun dengan bahasa Melayu ialah bahasa

I. Cam
II. Papua
III. Batak
IV. Jawa

A I dan II
B II dan III
C III dan IV
D I dan IV

12 Bahasa Melayu kuno menjadi bahasa yang dominan selama beberapa abad di Kepulauan Melayu kerana bahasa itu

A Merupakan alat penyataan seni dan sastera
B Mempunyai sistem linguistik yang mantap
C Merupakan bahasa pertuturan semua susun lapis masyarakat
D Mudah menerima pengaruh bahasa sanskrit dan bahasa arab.

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

13 Antara yang berikut, yang manakah ciri-ciri umum bahasa Melayu klasik?

I. Banyak menggunakan kata pangkal ayat
II. Banyak menggunakan ayat aktif berbanding ayat pasif
III. Banyak menggunakan ayat pasif berbanding ayat aktif
IV. Pengaruh bahasa sanskrit amat jelas terutamanya dari segi kosa kata

A I dan III
B II dan III
C II dan IV
D III dan IV

14 Antara berikut, yang manakah bukan batu-batu bersurat yang memberikan maklumat yang tepat tentang bukti bahawa bahasa Melayu menerima pengaruh Islam?

A Batu bersurat Minye Tujuh, Acheh
B Batu Bersurat Pagar Ruyung, Minangkabau
C Batu Bersurat Sungat Tersat, Kuala Berang
D Batu Bersurat Kedukan Bukit, Palembang

15 Bahasa Melayu diisytiharkan sebagai bahasa kebangsaan negara ini kerana bahasa itu merupakan

I. Bahasa pentadbiran negara
II. Bahasa utama dalam bidang perundangan
III. Bahasa kaum majoriti di negara ini
IV. Bahasa peribumi yang meluas penggunaannya

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

16 Antara yang berikut, yang manakah ciri-ciri bahasa Melayu moden?

I. Menjadikan bahasa Inggeris sebagai asas perkembangannya
II. Mengalami perancangan dari segi fungsi
III. Mengetepikan pengaruh bahasa sanskrit dan bahasa arab
IV. Menunjukkan kesinambungan daripada bahasa Melayu Klasik

A I dan III
B II dan III
C I dan IV
D II dan IV

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

17 Antara yang berikut, yang manakah yang mempunyai kata berimbuhan yang berasal daripada bahasa sanskrit?

A Karya Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee terus diminati hingga ke hari ini.
B Para hadirin terhibur dengan persembahan nyanyian daripada Dayang Nurfaizah.
C Kehidupan duniawi penuh dengan cabaran dan dugaan.
D Kebanyakan karya novelis itu bertemakan semangat cinta akan negara.

18 Perbezaan yang paling ketara antara bahasa istana dengan bahasa Melayu formal adalah dari segi

A Struktur ayat
B Sistem sebutan
C Morfologi
D Sistem panggilan

19

- Menggunakan kias ibarat
- Memerlukan tafsiran
- Mementingkan kepersisan

Yang di atas merupakan ciri-ciri laras

A Laras berita
B Laras perniagaan
C Laras undang-undang
D Laras keagamaan

20 Antara yang berikut, yang manakah contoh laras iklan?

I. UTM, Kerana Tuhan Untuk Manusia
II. Pandanglah, lihatlah, tiru macam saya
III. 1Malaysia : Tranformasi Berjaya Rakyat Sejahtera
IV. Insuran JUSTIKA Pelindung Kehidupan Anda Sepanjang Hayat

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D II dan IV

21 Daripada jadual di bawah, pilih padanan penanda wacana yang sesuai dengan tujuan paparan idea.

	Tujuan Paparan Idea		
	Menyatakan pertentangan	*Menyatakan perkaitan*	*Menyatakan penegasan*
A	Walau bagaimanapun	Akan tetapi	Tidak dapat disangkal
B	Sebenarnya	Berkaitan dengan	Sesungguhnya
C	Sungguhpun begitu	Merujuk kepada	Sememangnya
D	Namun demikian	Sejajar dengan	Seiring dengan

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

22 SMK Sacred Heart merupakan sebuah sekolah yang terkenal di Malaysia. Pada tahun 2010, SMK Sacred Heart mempunyai 146 orang guru, bilangan staf sokongan sebanyak 15 orang. SMK Sacred Heart merupakan sebuah sekolah dua sesi dengan bilangan pelajar seramai 1700 orang dan bilangan kelas sejumlah 66 buah. Pada tahun 2008, SMK Sacred Heart telah mendapat Johan Anugerah Kecemerlangan BOSS dan Johan Anugerah Kecemerlangan Kokurikulum Peringkat Kebangsaan bagi Kategori Sekolah Menengah Bandar. SMK Sacred Heart juga pernah mendapat Anugerah Khas Ketua Menteri bagi Sekolah Menengah Cemerlang Bandar.

Petikan di atas memperlihatkan retorik

I. Penerangan
II. Laporan
III. Penceritaan
IV. Pemerian

A I dan II
B II dan III
C II dan IV
D I dan IV

23

Yang Berbahagia Profesor Dr. David Kong, Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa; Yang Berbahagia Profesor Dr. Hamizan Zulkarnain, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi; Yang Berusaha Saudara Syed Mohd. Farihin Mustakim, Presiden Persatuan Alumni USM; Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian; Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Kata gelaran yang digunakan dalam petikan di atas merujuk kepada

I. Gelaran kurniaan
II. Gelaran ikhtisas
III. Rujukan kehormat
IV. Gelaran keagamaan

A I dan II
B II dan III
C II dan IV
D III dan IV

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

24 Antara kumpulan perkataan berikut, yang manakah kesemuanya mengandungi bunyi diftong?

A mulai, pantai, salai
B daulat, tabaloi, dawai
C daun, serai, induk
D hairan, berbaloi, sendawa

25

I. Sengauan dua bibir bersuara
II. Vokal belakang sempit
III. Letupan lelangit lembut tak bersuara
IV. Vokal depan luas

A bank
B sapu
C tali
D muka

26 Bagaimanakah bunyi konsonan [l] dihasilkan?

I. Udara keluar dari rongga mulut melalui kedua-dua sisi lidah
II. Hujung lidah dinaikkan ke bahagian gusi
III. Pita suara tidak digetarkan
IV. Lelangit lembut dan anak tekak diturunkan

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D II dan IV

27

I. Udara tersekat dan menerima tekanan pada pertemuan dua bibir
II. Udara yang tersekat itu dilepaskan serta-merta
III. Pita suara tidak bergetar

Pilih pasangan kata yang bunyinya dihasilkan dengan cara di atas?

A wuduk – habuk
B buku – tebu
C panah – punah
D mata – habuk

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

28 Yang manakah perkataan yang mengandungi vokal depan separuh sempit?

I. Gempak
II. Enak
III. Moden
IV. Retorik

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D II dan IV

29 Yang manakah perkataan yang mengandungi bunyi konsonan pinjaman geseran bibir-gigi tak bersuara?

I. [veto]
II. [vitamin]
III. [wakaf]
IV. [fakir]

A I dan II
B II dan III
C I dan III
D III dan IV

30 Penyataan manakah benar tentang bunyi vokal bahasa Melayu?

A Berlaku gangguan udara atau sekatan semasa menghasilkan bunyi vokal
B Udara keluar melalui rongga hidung tanpa sekatan semasa menghasilkan bunyi vokal
C Bibir dibundarkan semasa menghasilkan vokal belakang.
D Penghasilan bunyi vokal melibatkan sisian dan getaran

31

Semasa menghasilkan vokal ini, depan lidah diturunkan serendah-rendahnya. Udara dari paru-paru dikeluarkan dan pita suara bergetar.

Vokal yang terhasil berdasarkan penyataan di atas terdapat dalam perkataan

A renek
B tilik
C balas
D suluh

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

32 Yang manakah pasangan kata yang kedua-duanya mengandungi konsonan sengauan?

A Simpan, gagah
B Batuk, nakal
C Lebah, tolong
D Masuk, bangkit

33 Perkataan yang tergolong dalam kata terbitan ialah

I. kosmopolitan
II. negarawan
III. ekawarna
IV. setinggan

A I dan II
B II dan III
C II dan IV
D I dan IV

34 Pilih ayat yang menggunakan kata pemeri dengan betul.

A Adalah dimaklumkan bahawa semua pelajar dilarang membawa telefon bimbit ke sekolah.
B Bot ekspress yang baru tiba itu adalah dari Kapit.
C Puan Puteri Masturina Edora adalah ketua kumpulan penyelidikan kami yang baru.
D Makanan yang dihidangkan di atas meja itu adalah bukan untuk semua pelajar.

35 Antara yang berikut, ayat yang manakah yang menggunakan kata hubung keterangan syarat?

A Andai kata saya lulus peperiksaan dengan cemerlang, saya akan berpuasa selama seminggu.
B Penyokong Harimau Malaya bersorak sehingga suara mereka serak apabila Safee Sali menjaringkan gol.
C Oleh sebab mereka berbuat bising, mereka telah dihukum oleh Cikgu Heikal Fahmy.
D Mereka terpaksa membuat tugasan itu juga walaupun mereka semua keletihan.

36 Kesemua ayat yang berikut menggunakan kata berimbuhan *ber-* yang membawa maksud yang sama **kecuali**

A Pohon yang baru bertunas itu disiramnya setiap hari.
B Air di dalam baldi itu berbuih sebaik setelah dibubuh dengan bahan pencuci.
C Pokok itu berapi apabila diketuk dengan tukul.
D Puteri Mastaurina dan suaminya beruntung benar mendapat anak-anak yang bijak dan pintar.

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

37 Pilih ayat yang mengandungi kata adjektif pancaindera gabungan.

A Pengantin lelaki itu kelihatan sungguh tampan apabila memakai baju Melayu cekak musang itu.
B Permukaan lantai itu kasar sungguh sehingga menyebabkan kaki luka.
C Suasana di dewan kuliah itu bising semasa para pelajar berehat
D Bau nasi lemak yang dimasak menggunakan daun pandan itu sungguh harum dan menyelerakan.

38 Antara yang berikut, yang manakah mengalami proses peleburan fonem?

A Mengampu
B Membelai
C Memanjang
D Mengebom

39 Ayat yang manakah yang mempunyai kata kerja yang membawa maksud kausatif?

A Kami mendayung sampan menyusuri sungai Sarawak yang tenang itu.
B Ayah memanggang ikan yang dibeli oleh emak di pasar tamu petang tadi.
C Berita penangkapannya kerana terlibat dalam penyalahgunaan dadah amat mendukacitakan kedua-dua ibu bapanya.
D Kumpulan pengakap itu menyimpan bekalan mereka di dalam khemah.

40 Yang manakah ayat yang mempunyai kata penekan?

A Pemergiannya amat memilukan kami.
B Sesungguhnya kami mengharapkan dia akan berubah kerana kami amat menyayanginya.
C Gadis itu menyintai kekasihnya dengan sepenuh hati.
D Saya mendoakan kebahagiaannya, biarlah hanya saya sahaja yang menderita.

41 Kata hakis, halaju, dan ucaptama merupakan kata

I. majmuk
II. tunggal
III. terbitan
IV. akronim

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

42 Awalan meN- mempunyai empat bentuk varian, iaitu me-, mem-, men-, dan meng-. Antara yang berikut, yang manakah kata-kata kerja yang mempunyai bentuk varian awalan meN- yang betul?

I. Memproses, mewujudkan, mengetepikan
II. Mempastikan, mengkagumkan, mengswastakan
III. Mensyaratkan, menyesuaikan, memfitnah
IV. Mengkebumikan, menseimbangkan, mengkhaskan

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D II dan IV

43 Antara kata yang berikut, yang manakah yang dapat menerima sisipan untuk membentuk kata nama?

I. Tunjuk
II. Serak
III. Kupas
IV. Ganggang

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

44

- Terdiri daripada ragam ayat aktif
- Terdiri daripada ayat penyata sahaja
- Menjadi asas kepada pembentukan ayat lain

Penyataan di atas merupakan ciri

A Ayat dasar
B Ayat mudah
C Ayat tunggal
D Ayat terbitan

45 Antara yang berikut, ayat manakah yang mengandungi kata kerja transitif aktif dengan dua objek?

I. Bruno membelikan isterinya sebuah rumah banglo di kaki bukit.
II. Puan Hamaniza menyulamkan ibunya sehelai alas meja.
III. Adik perempuannya melukis lukisan yang cantik itu.
IV. Tuan Pengetua merasmikan perayaan yang bersejarah itu.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

46 Antara yang berikut, yang manakah ayat yang menepati pola FN + FK?

I. Maziatul Nurjanah baru pulang dari luar negara
II. Chef Wan tukang masak yang terkenal sejak dahulu.
III. John Abraham sedang berehat di dalam pejabatnya.
IV. Ibu pejabat syarikat bapa saya di bandar raya Miri.

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D II dan IV

47 Antara yang berikut, ayat yang manakah yang terbina daripada satu klausa sahaja?

I. Kehidupan Haji Hasbullah semakin senang setelah semua anaknya bekerja.
II. Mereka keletihan lalu tertidur.
III. Semakin hari, dia semakin cekap bekerja.
IV. Banyak lalat menghurung timbunan sampah-sarap itu.

A I dan II
B II dan III
C I dan III
D III dan IV

48 Pilih ayat majmuk gabungan yang membawa maksud pertentangan.

A Tingkah lakunya amat memalukan, pakaiannya pula menjolok mata.
B Budak itu melompat lalu berlari mendapatkan ibunya.
C Sayalah yang diherdiknya, padahal yang melakukan kesilapan itu ialah orang lain.
D Pelajar tingkatan enam SMK Sacred Heart banyak yang rajin dan berdisiplin.

49

Ricky Martino menghadiahi anak kembarnya sebuah basikal.

Pilih penyataan yang benar tentang ayat di atas.

I. Ayat tunggal
II. Ayat majmuk
III. Ayat yang mempunyai dua objek
IV. Ayat yang mengandungi frasa keterangan

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

50 Yang manakah ayat pasif?

A Fahrin Makail terlanggar orang tua itu ketika berbasikal.
B Buku adik Remy Adli belum lagi berbalut.
C Beberapa orang kanak-kanak berlari di padang bola.
D Jentera pendingin yang baru dipasang itu telah rosak.

51 Ayat yang manakah yang mengandungi kata kerja tak transitif yang tidak memerlukan pelengkap?

A Tiga orang pelajar sedang berehat di kantin sekolah.
B Kesihatan bapa bertambah baik.
C Mereka sekeluarga tinggal di bandar sibu.
D Pengemis itu tidur berselimutkan gebar

52 Yang manakah ayat yang tidak mengalami proses pengguguran?

A Membaca dan bersukan dapat mengisi masa lapang seseorang.
B Encik Helmi berjaya dalam perniagaannya walaupun beliau tidak berpengalaman.
C Sambil belajar di universiti itu, dia bekerja sebagai guru tuisyen.
D Encik Jasni Hairulani bukan pemain futsal tetapi pemain tennis.

53 Yang manakah ayat dasar?

I. Murid-murid berdoa sebelum memulakan perjalanan.
II. Budak-budak itu sedang berbalas pantun.
III. Gadis yang berlesung pipit itu pelajar cemerlang.
IV. Rumah Encik Enrique di Sibu Jaya.

A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

54

- Saya akan turut bersama sekiranya mendapat keizinan daripada ayah dan ibu.
- Seandainya dia menyerang, saya akan mempertahankan diri.
- Radin Dandi akan meninggalkan kampung halamannya jika dia diterima masuk ke pusat pengajian tinggi pada bulan September 2011 nanti.

Ayat-ayat di atas merupakan ayat keterangan

A waktu
B syarat
C harapan
D pertentangan

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

55 Antara penyataan yang berikut, yang manakah benar tentang ayat?

I. Susunan subjek dan predikat ayat boleh disongsangkan
II. Ayat dasar terdiri daripada ayat penyata dan ayat perintah
III. Ayat terbahagi kepada dua iaitu ayat tunggal dan ayat majmuk
IV. Ayat tunggal terdiri daripada ayat tanya dan ayat aktif

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D II dan IV

56 Antara yang berikut, yang manakah ayat yang telah mengalami proses pendepanan kata kerja dengan objek?

I. Menangkap ikan nelayan itu di laut dalam.
II. Akan bertolak jemaah haji ke tanah suci esok.
III. Menonton televisyen pelajar-pelajar itu di bilik rehat.
IV. Gagal pelajar itu dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia.

A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV

57

- Mereka tinggal di *hulu* sungai sejak dahulu lagi.
- *Hulu* parang ayah diperbuat daripada besi.

Kata *hulu* dalam ayat di atas merupakan

A Hiponim
B Sinonim
C Antonim
D Polisemi

58

- Jinak merpati
- Pening lalat
- Tidur ayam

Perkara yang disenaraikan di atas merupakan kiasan

A terus
B sandar
C pemanis
D permanusiaan

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

59 Yang manakah peribahasa yang mempunyai maksud yang sama dengan *belum duduk sudah berlunjur*?

I. Belum betul membilang jari, sudah hendak berkuasa sendiri
II. Belum pandai membuang hingus, sudah hendak berjuang lidah
III. Kalau kail panjang sejengkal, lautan dalam jangan diduga.
IV. Gar-gar kata helegar, rusuk juga yang menahannya.

A I dan II
B III dan IV
C II dan IV
D I dan III

60

- Anuar dan Elina merupakan pasangan *duet* yang serasi.
- Semalam Fahrin kehilangan *duit* apabila dompetnya tercicir.
- Dafi suka makan *kari* ayam masakan Erra.
- *Qari* dari Malaysia dinobatkan sebagai johan Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa 2011.

Kata-kata yang berhuruf condong dalam ayat-ayat di atas ialah

A Homofon
B Homograf
C Homonim
D hiponim

SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART SMK SACRED HEART

KERTAS SOALAN TAMAT

DISEDIAKAN DAN DISEMAK OLEH	CIKGU ZULKARNAIN FARIHIN CIKGU FRANKY DANA CIKGU TING TIU SING CIKGU WONG SING CHUAN
DISAHKAN OLEH	CIKGU TIONG TUANG CHING